



KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor / Pembekal-Pembekal Tempatan** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di dalam bidang berkaitan dan pendaftaran masih lagi berkuat kuasa bagi kerja berikut:

Bil.	Tajuk Dan No. Tawaran	Taraf/Syarat Pendaftaran	Tarikh, Tempat Taklimat Dan Lawatan Tapak	Tarikh & Tempat Pengambilan Dokumen Sebut Harga	Tarikh & Tempat Tutup Sebut Harga	Harga Dokumen
1.	Kerja-Kerja Membekal, Menghantar dan Memasang Sistem Papan Tanda Untuk Projek Cadangan Pembinaan Sekolah Baru Yang Mengandungi 25 Bilik Darjah, Asrama 750 Murid, Rumah Guru Dan Lain-Lain Kemudahan Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Haji Mohd Yassin, Mukim Jalan Bakri, Muar, Johor KP(BP-T)/SBTH/22/2019	♦ Gred G1 ♦ Kategori : B ♦ Pengkhususan: B11	9 April 2019 (Selasa) Masa: 10.30 pagi Tempat: No. 6, Jalan Hajah Cheh Enah, Taman Seri Kasih Batu 2 1/2, Jalan Bakri, 84000 Muar, Johor (Berhampiran tapak projek) (KEHADIRAN TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK DIWAJIBKAN)	9 April 2019 (Selasa) Masa: Selepas Lawatan Tapak Tempat: No. 6, Jalan Hajah Cheh Enah, Taman Seri Kasih Batu 2 1/2, Jalan Bakri, 84000 Muar, Johor (Berhampiran tapak projek)	18 April 2019 (Khamis) Sebelum jam 12.00 tengahari Tempat: Kaunter Serahan Sebut Harga, Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 1, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya	PERCUMA

2. Kaunter pendaftaran akan dibuka pada jam **10.00 pagi** sehingga sesi taklimat bermula. Pendaftaran lewat tidak dibenarkan menyertai sebut harga. Kontraktor / Pembekal yang hadir ke Lawatan Tapak hendaklah membawa bersekali Sijil-sijil **ASAL** dan **SALINAN** (tidak akan dikembalikan), **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan, Sijil Pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan. PERWAKILAN KUASA ADALAH TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI.** Penama yang dinamakan di dalam sijil sahaja dibenarkan menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak.
3. Dokumen hanya akan dikeluarkan kepada **kontraktor / Pembekal yang hadir ke lawatan tapak sahaja dan wakil sah kontraktor / pembekal** dengan menunjukkan dan mengemukakan **Surat Perwakilan Kuasa** dan sijil-sijil **ASAL Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan, Sijil Pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan.** Satu salinan bagi setiap sijil ini perlu dikemukakan semasa membeli dokumen tawaran untuk simpanan. (Tidak dikembalikan)
4. Dokumen Meja Sebut Harga disediakan untuk semakan di **Bahagian Pembangunan Pelajaran, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 1, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya** pada waktu pejabat sehingga dan termasuk tarikh sebut harga dijadualkan ditutup.
5. Dokumen sebut harga yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, dengan nombor dan tajuk sebut harga dituliskan di kirinya dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat berikut:-

**KETUA SETIAUSAHA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA,
BAHAGIAN PEMBANGUNAN PELAJARAN,
ARAS 1, BLOK E2, KOMPLEKS E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62604 PUTRAJAYA.**

6. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab kontraktor / pembekal. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan sama sekali.
7. KPM tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan dengan tawaran ini.